



NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

KASA lancar garis panduan urus sisa klinikal



Rafidah Mat Ruzki - April 5, 2021 @ 4:11pm
fidahruzki@bh.com.my



Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (tengah) pada Majlis Pelancaran Buku Program Vaksinasi LESTARI hari ini. Hadir sama, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba (kiri) dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin (kanan). - foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) hari ini memperkenalkan garis panduan bagi mengurus bahan buangan klinikal daripada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang akan memasuki fasa kedua pada 19 April ini.

Garis panduan itu dikeluarkan susulan sisa klinikal yang dihasilkan kini meningkat 96 peratus berbanding ketika COVID-19 mula dikesan pada Disember 2019. Pelaksanaan PICK sejak 24 Februari lalu dijangka menambahkan lagi jumlah kuantiti sisa klinikal di seluruh negara.

KASA menganggarkan sejumlah 216 tan metrik picagari, 81 tan metrik jarum, 540 tan metrik bebuli vaksin kosong, 1,080 tan metrik peralatan perlindungan diri (PPE) dan 162 tan metrik tisu basah beralkohol akan terhasil sepanjang pelaksanaan PICK.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata jumlah kuantiti sisa klinikal tertinggi yang direkodkan adalah sebanyak 4,082 metrik tan pada Januari 2021 berbanding 2,084 metrik tan pada Disember 2019.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Kapal asing bawa sisa plastik haram dipantau](#)
- [Prinsip 'cradle to cradle' pastikan](#)

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 10m [Kerajaan tunggu laporan isu Gua Matsoorat](#)
- 12m [COVID-19: Dua sekolah di Masjid Tanah diarah tutup](#)
- 17m [Saham Volcano catat premium 100 peratus](#)
- 22m [Cubaan tanam Musang King dalam hutan simpan gagal](#)
- 34m [Cipta kerjaya di litar F1](#)
- 40m [Putera Hamzah ikrar setia kepada Raja Jordan](#)
- 48m [Ringgit mengukuh pada awal dagangan](#)
- 53m [Kameleon](#)

WAKSIN



ASIA 4 jam yang lepas

[Hanya jemaah disuntik vaksin dibenarkan tunai umrah](#)



NASIONAL Apr 5, 2021 @ 1:38pm

[8 negeri, wilayah mulakan fasa kedua imunisasi](#)



NASIONAL Apr 5, 2021 @ 1:20pm

[Lebih 800,000 individu sudah terima dua dos vaksin](#)



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 8:07pm

[KKM jalin kerjasama pelbagai pihak bantu penduduk luar bandar daftar program imunisasi](#)



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 4:16pm


[Kerajaan timbang tambah vaksin lawan varian baharu](#)



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 2:59pm

[Vaksin AstraZeneca: Kerajaan ada pelan sokongan](#)

TRENDING



NASIONAL 13 minit yang lepas

[COVID-19: Dua sekolah di Masjid Tanah diarah tutup](#)



WILAYAH 23 minit yang lepas

[Cubaan tanam Musang King dalam hutan simpan gagal](#)

sektor buangan lebih kompetitif

- Klinik haiwan perlu patuh garis panduan ketat lupus sisa klinikal
- PPE diguna orang awam bukan sisa buangan klinikal

"KASA menganggarkan pertambahan sebanyak 2,100 metrik tan sisa klinikal dalam tempoh 12 bulan pelaksanaan program imunisasi," katanya ketika melancarkan Buku Garis Panduan Program Vaksinasi Lestari, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin.



Kakitangan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) Siti Natasya Cassandra Ismail menunjukkan buku Program Vaksinasi LESTARI. - foto BERNAMA

Tuan Ibrahim berkata, garis panduan yang dilancarkan hari ini menjadi dokumen khas yang merangkumi tatacara pengurusan bahan buangan klinikal, pembudayaan amalan hijau dan inisiatif pengimbangan pelepasan Gas Rumah Kaca di semua pusat pemberian vaksin dan fasiliti kesihatan yang menjalankan PICK.

"Saya berharap garis panduan itu dapat memberi panduan kepada semua pemegang taruh untuk memastikan kelestarian alam sekitar terus terjamin selain usaha memerangi penularan pandemik COVID-19," katanya.

Sisa klinikal yang diperoleh daripada hospital dan fasiliti kesihatan akan dihantar ke Kualiti Alam untuk pelupusan dengan kerjasama polis bagi memastikan kelancaran penghantaran.

Dalam pada itu, Tuan Ibrahim berkata, biarpun pelitup muka tidak dianggap sebagai sisa klinikal atau bahan berjadual, orang awam diminta melupuskannya dengan baik bagi mengelak ia memberi kesan kepada alam sekitar.



KES 12 jam yang lepas
Wanita parah, warga emas maut dalam dua nahas babitkan ambulans



SELEBRITI Apr 5, 2021 @ 5:53pm
Beri saya ruang - Neelofa



NASIONAL Apr 5, 2021 @ 12:58pm
SPRM tidak tolak kemungkinan ramai akan ditahan - Azam Baki

MYRESIPI



INFOMASI Apr 5, 2021 @ 3:36pm
Resepi Pai Pisang Menggunakan Roti, Rendah Kalori & Sihat



INFOMASI Apr 5, 2021 @ 3:35pm
Hanya Guna 6 Bahan Je, Ini Resepi Burung Puyuh Goreng Kerisik Yang Menyelerakan




INFOMASI Apr 2, 2021 @ 1:01pm
Resepi Cendawan Busut Tumis Air, Hanya Guna 6 Bahan Je



INFOMASI Apr 2, 2021 @ 1:00pm
Menu Semudah ABC Yang Menjadi Kegilaan Ramai, Ini Resepi Kulit Lembu Goreng Kicap!



INFOMASI Apr 1, 2021 @ 1:45pm
Banyak Lebihan Susu Di Rumah? Jom Cuba Resepi Susu Putih Bakar, Rangup & Sedap!



Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man pada Majlis Pelancaran Buku Program Vaksinasi LESTARI hari ini. - foto BERNAMA

Sementara itu, garis panduan berkenaan antara lain memaklumkan tatacara pengurusan bahan buangan klinikal yang tertakluk bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) secara lestari; pembudayaan amalan hijau dan inisiatif yang bakal dilaksanakan bagi mengurangkan dan menyeimbangkan pelepasan gas rumah kaca.

Mengikut peruntukan bawah Jadual Pertama, Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 bawah Akta 127, bahan buangan klinikal yang dihasilkan daripada aktiviti perubatan dan kesihatan dikategorikan sebagai bahan buangan terjadual termasuk bahan buangan patogenik, bahan buangan klinikal atau bahan yang dikuarantinkan yang mempunyai ciri bahan buangan berjangkit.

Ia perlu diurus dan dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Seksyen 18, Akta 127.

Garis panduan itu juga tidak menggalakkan penggunaan plastik sekali guna (selain bagi tujuan perubatan) di PPV untuk tujuan pembudayaan amalan hijau manakala PPV juga dicadangkan untuk dilengkapi dengan kemudahan tong kitar semula mengikut jenis sisa pepejal bagi memudahkan proses pengasingan sisa.

Selain itu, PPV perlu mengamalkan pendekatan cekap tenaga dan cekap air bagi mengurangkan pembaziran penggunaan tenaga elektrik dan air serta urusan perolehan bawah PICK juga digalakkan untuk menggunakan Perolehan Hijau Kerajaan 3.0.

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Okt 5, 2020 @ 5:02pm

Bahan buangan haram, sebatian organik tersisa punca pencemaran



NASIONAL Mac 29, 2021 @ 2:03pm

Vaksin COVID-19: Pekerja industri di kawasan merah diberi tumpuan



KES Jul 15, 2020 @ 1:08pm

1,000 tong sisa toksik ditemui di Johan Setia



NASIONAL Apr 4, 2021 @ 6:09pm

Kerajaan mahu denda hingga RM15 juta, penjara mandatori

Disyorkan untuk anda

Recommended by |

What Happens When Kamala Harris Lives in...
Mansion Global

9/10 People Fail This Movie Quiz, Can You Pass?
Parentsdome Galleries

[Pics] The Richest Rockstar Of All Time Is Not Who...
UnpuzzleFinance

Actor Sylvester Stallone Selling La Quinta,...
Mansion Global

Funny Beach Pictures That Will Make You Laugh...
TooCool2BeTrue

Hilarious Times People Wore The Right Shirts At...
Parentsdome Galleries

Invest now \$ 250 in Companies like Netflix and get a...
Smart Invest

Invest now \$ 250 in Companies like Amazon and get...
Smart Invest



IKUTI KAMI DI:



- [BERITA](#)
- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

- [SUKAN](#)
- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

- [MULTIMEDIA](#)
- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

- [LANGGAN](#)
- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

- [PERKHIDMATAN](#)
- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)